



KENYATAAN MEDIA

UNTUK SIARAN SEGERA

PTPTN TURUN PADANG BANTU KELUARGA DILANDA MUSIBAH

1. PTPTN sentiasa peka dan cakna dengan dengan isu-isu semasa dan musibah yang menimpa masyarakat. Melalui **program tanggungjawab sosial (CSR)**, PTPTN komited untuk **menyalurkan bantuan yang sewajarnya** kepada mereka yang memerlukan. Terbaharu, PTPTN melalui **pasukan Skuad PTPTN Prihatin** turun padang **mendekati dua (2) buah keluarga** yang ditimpas tragedi menghayat hati.
2. Pada hari ini, PTPTN menziarahi **Keluarga Allahyarhamah Rosni Abd Razak** yang terkorban dalam satu kemalangan ngeri pada 28 November lalu. Allahyarhamah meninggalkan enam (6) orang anak yang berusia antara 13 tahun sehingga 25 tahun. Sebagai sebuah agensi yang prihatin, PTPTN terpanggil memberikan **sumbangan zakat perniagaan PTPTN sebanyak RM6,000 dalam bentuk akaun Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN-i)** kepada **enam (6) orang anak** Allahyarhamah tersebut. Sumbangan disampaikan oleh En. Wan Saiful Wan Jan, Pengurus PTPTN di rumah nenek mereka di Batu 18, Hulu Langat, Selangor.
3. "Kami ingin menzahirkan rasa simpati dan dukacita dengan tragedi yang menimpa keluarga ini. Berat mata memandang, berat lagi bahu yang memikul. Melalui sumbangan ini, setiap seorang anak Allahyarhamah akan menerima sumbangan RM1,000 dalam bentuk akaun SSPN-i. Harapan kami, sumbangan ini sedikit sebanyak dapat meringankan beban dan menjamin masa depan pendidikan mereka. Apatah lagi, anak-anaknya kini telah hilang tempat bergantung kerana sebelum ini dijaga oleh ibunya," kata En. Wan Saiful Wan Jan, Pengurus PTPTN.
4. Pada 6 Disember 2020 yang lalu, **Skuad PTPTN Prihatin** telah **melawat keluarga mangsa kebakaran** iaitu **En. Mohd Khairulnizam Rosli dan isteri, Pn Zuliani Zolkefli** yang hilang tempat berteduh dan kerugian harta benda akibat musibah kebakaran pada 28 November 2020 lalu. Dalam kunjungan ini, En. Wan Saiful turut menyampaikan **sumbangan zakat perniagaan sebanyak RM5,000 dalam bentuk akaun SSPN-i**. Dua orang anak mangsa yang berusia 8 dan 6 tahun menerima RM2,500 simpanan SSPN-i setiap seorang.

5. En Wan Saiful berkata, "PTPTN menyelami kesusahan dan bersimpati dengan nasib mereka yang ditimpa musibah dan kami berharap keluarga ini terus bersabar. Sumbangan yang dihulurkan ini diharap dapat membantu mereka meneruskan kehidupan sehari-hari."

6. Sesungguhnya, selaku tabung pendidikan tinggi utama negara, peranan PTPTN tidak sekadar menyumbang dalam aspek pembangunan pendidikan, tetapi PTPTN juga sentiasa proaktif dalam misi menunaikan tanggungjawab sosial membantu masyarakat tanpa mengira kaum dan latarbelakang. Sumbangan ini membuktikan komitmen PTPTN yang sentiasa serius untuk berada di tengah-tengah keperluan masyarakat dan mengambil berat tentang kepentingan sosial dan kebajikan masyarakat sekeliling.